

**PENILAIAN TAHAP PENGUASAAN KONTEN SUBJEK PENDIDIKAN JASMANI
BERASASKAN MODEL PROSES KURIKULUM WHEELER (1967) DALAM
KALANGAN GURU PELATIH (ELEKTIF PENDIDIKAN JASMANI)
(The Assessment of Physical Education Subject Content Mastery Based on Wheeler Curriculum
Process Model (1967) among Trainee Teachers (Physical Education Elective))**

* Junaidy Mohamad Hashim¹, Syed Ahmad Ezahar Syed Ambon¹, Mohd Zainuri Embi¹, Mohd Foazi Md Nor²

¹Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim
Jalan Kuala Ketil, Kedah Darul Aman,
08000 Sungai Petani, Kedah, Malaysia.

² Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
31150, Hulu Kinta, Ipoh, Perak, Malaysia

*Corresponding author's email: junaidy@ipsah.edu.my

Article History:

Submit: 2 April 2019

Accepted: 8 May 2019

Revised: 2 June 2019

Published: 30 June 2019

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 3, No. 1 (2019), 1-8

Abstrak

Kajian tinjauan deskriptif ini bertujuan untuk memastikan tahap penguasaan konten subjek Elektif Pendidikan Jasmani dalam kalangan guru pelatih yang mengambil subjek Elektif Pendidikan Jasmani di Institut Pendidikan Guru (IPG) berdasarkan jantina. Jumlah sampel kajian adalah seramai 30 orang. Analisis menunjukkan tahap penguasaan konten subjek Pendidikan Jasmani oleh guru pelatih elektif ini adalah kurang memuaskan. Analisis inferensi secara keseluruhan tahap penguasaan konten subjek Pendidikan Jasmani juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru pelatih lelaki dengan perempuan dimana nilai $t(30) = -7.020$, $p = 0.000$ ($p < 0.05$). Dapatan kajian ini membuktikan bahawa faktor jantina mempengaruhi tahap penguasaan konten subjek. Hasil kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang berkaitan dengan pendidikan di sekolah terutamanya pihak yang terlibat dengan subjek Pendidikan Jasmani. Pihak pentadbir harus mengikis tanggapan yang subjek Pendidikan Jasmani sebagai kelas kedua dengan mengarahkan mana-mana guru sahaja untuk mengajar subjek Pendidikan Jasmani. Tindakan pihak pentadbir mengarahkan guru-guru yang bukan opsyen Pendidikan Jasmani mengajar mesti dielakkan kerana ia akan mewujudkan tekanan kepada guru serta pelajar yang terlibat. Tahap penguasaan konten subjek guru yang rendah akan membantutkan lagi pencapaian matlamat pengajaran Pendidikan Jasmani. Tindakan ini sudah tentu menjadikan mata pelajaran ini satu mata pelajaran yang tidak penting di mata masyarakat umum satu hari nanti.

Kata kunci: Tahap penguasaan, konten subjek, Pendidikan Jasmani, Pelajar Elektif

Abstract

This study aims to determine the level of mastery of subject content Elective Physical Education among teachers or prospective teachers take a subject Elective Physical Education at the Institute of Teacher Education (ITE) based on gender. The total sample is 30 people and this study descriptive. Analysis showed that the content of the subject of Physical Education elective teachers are unsatisfactory. Analysis inference overall level of mastery of the subject content of Physical Education also showed a significant difference between male and female teachers where the $t(30) = -7.020$, $p = 0.000$ ($p < 0.05$). The findings of this study prove that gender influences the level of mastery of subject content. The results of this study are expected to be used by all parties related to education in schools especially those involved with the Physical Education subject. The administrator should erode the perception of the Physical Education subject as a second class by directing any teacher only to teach the Physical Education subject. The administrator's actions instruct teachers who are not teaching Physical Education options must be avoided as they will create pressure on teachers and students involved. The low level of content of teacher subjects will further reduce the achievement of Physical Education teaching goals. This action would certainly make this subject an unimportant subject in the eyes of the general public one day.

Keywords: level of mastery, subject content, physical education, elective students

1.0 PENGENALAN

Perguruan ialah satu profesion yang bermatlamatkan pembentukan insan yang sempurna agar manusia itu mengerti tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap diri, keluarga, masyarakat, alam yang mereka diami serta terhadap Tuhan Yang Maha Pencipta. Dalam konteks masyarakat moden hari ini perkataan guru membawa makna yang sangat luas. Setiap individu yang melibatkan diri mereka secara formal atau tidak formal dalam proses mendidik yang melibatkan penyampaian ilmu pengetahuan atau kepandaian kepada seseorang individu atau kelompok individu digelar sebagai guru (Atan Long, 1984)

Tidak dapat dinafikan bahawa tanggungjawab dan peranan guru semakin mencabar dalam menghadapi era dunia tanpa sempadan. Guru kini bukan hanya mengajar, mendidik dan membimbing pelajar malah peranan guru yang lebih penting adalah mengawal keseimbangan moral dan etika pelajar (Zamri Mahamad, 2010) Menurut Wan Zahid Nordin (1993) seperti yang dinyatakan oleh Datuk Sulaiman Daud:

“peranan guru sudah berubah dan akan terus berubah menjadi lebih rumit pada masa hadapan. Maka, rancangan pendidikan guru perlu bukan sahaja membekalkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap malah patut juga membolehkan mereka menjadi agen perubahan yang sensitif”

Bagi mencapai matlamat pendidikan negara, ia harus bermula dengan guru kerana gurulah yang bertanggungjawab mendidik, membimbing, mengasuh, membentuk tingkah laku dan menjadi *'role model'* bagi pelajarannya. Oleh itu, bakal-bakal guru yang dihasilkan harus berkualiti, beretika, bersahsiah dan berpersonaliti mulia (Mohd. Aziz Mohd. Din, 2010; Kraska, 1991). Kementerian Pendidikan pula selaku majikan yang melatih dan menyediakan bakal-bakal guru tentunya mahukan guru yang mempunyai dan mengamalkan nilai atau etika kerja yang baik. Majikan mahukan pekerja yang mempunyai nilai atau etika kerja yang baik kerana ia menunjukkan kepuasan dalam menjalankan kerja dan bersikap positif dalam membuat keputusan (Kraska, 1991; Montague, 1986).

Berasaskan kepada kenyataan-kenyataan di atas, penyelidik berminat untuk mengkaji tahap penguasaan konten pelajar-pelajar elektif Pendidikan Jasmani dengan menjadikan kurikulum Pendidikan Jasmani sebagai instrumen. Proses pembentukan kurikulum tersebut berdasarkan Model Proses Kurikulum Wheeler (1967). Menurut Wheeler (1967), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pembentukan kurikulum atau disiplin kurikulum yang dipertimbangkan oleh perancang kurikulum iaitu *kehendak dan keperluan murid, kehendak dan keperluan negara* serta *kehendak sarwa jagat*.

1. *Kehendak dan keperluan murid*

- a) Merujuk kepada keperluan asas seperti kehendak penyempurnaan, keselamatan, kasih sayang dan aktualisasi sendiri.
- b) Kurikulum yang dibentuk seharusnya dapat memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi supaya rancangannya dapat memuaskan kehendak dan keperluan murid sebagai individu dengan memberi peluang kepada murid mengembangkan potensi mereka secara keseluruhan dari segi jasmani, emosi, rohani dan sosial.
- c) Untuk mencapai matlamat dengan berkesan, faktor seperti minat dan perkembangan individu dalam bidang kognitif, psikomotor dan afektif juga diambil kira sebagai perkara yang penting.

2. *Kehendak dan keperluan negara*


- a) Sebagaimana yang dimanifestasikan dalam aspirasi masyarakat serta cita-cita, ideologi dan falsafah pendidikan negara.
- b) Harus dapat melatih individu supaya dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan masyarakat serta memberi sumbangan yang dicita-citakan oleh negara.
- c) Harus mengandungi unsur-unsur kebudayaan masyarakat dan latihan yang membolehkan murid-murid menyesuaikan diri dalam masyarakat serta menyumbangkan tenaga seajar dengan cita-cita negara yang berlandaskan ideologi dan falsafah pendidikan negara.

3. *Kehendak sarwa jagat*

- a) Harus dapat memberi ilmu pengetahuan dan latihan yang dapat memenuhi kehendak sarwa jagat.
- b) Membolehkan sifat-sifat murid dipupuk ke arah persefahaman dan semangat kerjasama antarabangsa seperti menghormati hak-hak individu dan kedaulatan negara, menyumbangkan

tenaga untuk menyelesaikan masalah global serta meningkatkan taraf kerohanian, maruah, pandangan dan visi dunia.

Proses pembentukan disiplin ini adalah berdasarkan kepada Model Proses Kurikulum Wheeler (1967), yang merangkumi lima komponen yang utama (Rajah 1).



Rajah 1: Model Proses Kurikulum Wheeler (1967)

Keguruan adalah satu bidang yang melibatkan pengajaran. Ahli profesion ini yang dikenali sebagai guru bertanggungjawab untuk membantu masyarakat memahami kebudayaan mereka, memperolehi pengetahuan yang telah terkumpul sejak zaman-berzaman dan menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran hidup di masa depan.

Bagi melahirkan guru yang cemerlang, berkualiti dan mampu membawa cabaran ke arah peningkatan profesionalisme keguruan, bakal guru seharusnya sentiasa peka dengan keperluan ciri-ciri profesionalisme tersebut. Dalam kajian ini, fokus tertumpu kepada bakal guru Pendidikan Jasmani dalam usaha meningkatkan profesionalisme keguruan terutama dalam bidang Pendidikan Jasmani, namun seringkali terdapat pelbagai halangan bagi mencapai matlamat tersebut. Antara keperluan penting yang sering menjadi penghalang ke arah mencapai matlamat tersebut ialah masalah penguasaan konten subjek.

Menurut Julismah Jani (2006), guru yang bermasalah ialah guru tidak menguasai konten subjek yang hendak diajar kepada pelajar. Junaidy Mohamad Hashim (2017; 2014) dan Shulman (2004;1987), menegaskan guru seringkali tidak mengamalkan teras pengetahuan mengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran untuk melaksanakan pengajaran yang berkesan. Akauntabiliti akademik dalam bidang Pendidikan Jasmani juga merupakan masalah yang timbul dan perlu diberi perhatian kerana boleh menyebabkan kualiti pengajaran dan pembelajaran subjek ini tidak mencapai objektifnya (Wee Eng Hoe, 2009).

Pengetahuan dari sudut pengujian, pengukuran dan penilaian juga merupakan masalah kepada guru terutamanya guru-guru Pendidikan Jasmani dalam mengukur tahap kecergasan pelajar (Ahmad Hashim, 2004). Pemilihan profesion guru sebagai pilihan terakhir juga menunjukkan bahawa ketidakikhlasan yang sebenar semasa memilih profesion keguruan sebagai kerjaya (Veenman, 1994). Oleh yang demikian kajian tinjauan ini bertujuan mengkaji tahap penguasaan konten subjek Pendidikan Jasmani terhadap guru pelatih yang mengambil subjek elektif Pendidikan Jasmani di IPG. Dapatan kajian boleh dijadikan sebagai pananda aras terhadap penguasaan ilmu konten bakal guru yang menjadi agen perubahan serta membentuk modal insan negara Malaysia.

2.0 METODOLOGI

Kaedah kajian tinjauan digunakan kerana penyelidik boleh mendapatkan maklumat secara langsung daripada responden dalam tempoh yang singkat (Chua Yan Piaw, 2006; Cicciarella, 1997). Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang guru pelatih elektif Pendidikan Jasmani. Seramai 22 orang guru pelatih lelaki

dan 8 orang guru pelatih perempuan program PISMP dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*) kerana sampel tersebut memiliki karekteristik yang diperlukan dalam kajian ini. Menurut Potton (1990), sampel bertujuan (*purposive sampling*) sesuai digunakan sekiranya karektor atau ciri-ciri yang diperlukan dimiliki oleh sampel yang dipilih (Cicciarella, 1997) dan ciri-ciri tersebut menggambarkan populasi yang sebenar (Uma Sekaran, 2000).

Bagi mengenal pasti tahap penguasaan konten subjek Pendidikan Jasmani, penyelidik telah mengkategorikan subjek-subjek major tersebut kepada empat disiplin yang utama iaitu Kejurulatihan Sukan, Pengurusan dan Pentadbiran Sukan, Kaedah Pengajaran Pendidikan Jasmani serta Pendidikan Kesihatan. Berdasarkan cadangan dan pengesahan pakar, penyelidik memilih soalan-soalan bertulis yang telah ditaksir dan disahkan mengikut aras taksonomi Bloom (1956), mengikut bidang yang dikategorikan. Proses pembentukan disiplin konten subjek adalah berdasarkan kepada Model Proses Kurikulum Wheeler (1967), yang merangkumi tiga komponen yang utama iaitu *kehendak dan keperluan murid, kehendak dan keperluan negara* serta *kehendak sarwa jagat*.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan gred norma yang dihasilkan dengan menggunakan min dan sisihan piawai, analisis perbandingan dari segi bilangan dan peratus antara guru pelatih lelaki dan perempuan bagi tahap penguasaan isi kandungan subjek secara keseluruhan mendapati tiada seorang pun guru pelatih lelaki yang mendapat tahap cemerlang berbanding dengan seorang guru pelatih perempuan yang mendapat cemerlang dengan mewakili 12.5 %.

Jadual 1 Analisis Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai semua Komponen Kajian bagi Guru Pelatih Lelaki dan Perempuan Elektif Pendidikan Jasmani

Komponen	Jantina	N	Min	Sisihan piawai
Konten Subjek	Lelaki	22	80.75	2.94
	Perempuan	8	82.94	2.43
Keseluruhan		30	81.84	2.91

Bagi tahap sangat baik, guru pelatih lelaki, 13.2% yang mewakili 4 orang manakala bagi guru pelatih perempuan pula 5 orang iaitu 62.5 %. Tahap baik pula dapat dilihat, guru pelatih lelaki 8 orang iaitu 36.4 % berbanding guru pelatih perempuan yang hanya mendapat 12.5 % iaitu seramai satu orang. Bagi tahap sederhana, guru pelatih lelaki mewakili 36.4 % iaitu seramai 8 orang berbanding guru pelatih perempuan yang hanya satu orang iaitu 12.5 % sahaja. 2 orang guru pelatih lelaki yang mewakili 9.1 % berada pada tahap lemah berbanding tiada guru pelatih perempuan yang lemah. (Jadual 1,2, dan 3).

3.1 Tahap Penguasaan Konten Subjek Keseluruhan

Jadual 2 Norma Skor Mentah Tahap Penguasaan Konten Subjek Keseluruhan

Tahap	Skor
Cemerlang	90.57 dan keatas
Sangat baik	83.30 – 90.56
Baik	80.39 – 83.29
Sederhana	77.48 – 80.38
Lemah	77.47 dan ke bawah

Jadual 3 Perbandingan Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan Konten Subjek Keseluruhan Mengikut Jantina

Tahap	Jantina	Bilangan	%
Cemerlang	Lelaki	0	0
	Perempuan	1	12.5
Sangat Baik	Lelaki	4	13.2
	Perempuan	5	62.5
Baik	Lelaki	8	36.4
	Perempuan	1	12.5
Sederhana	Lelaki	8	36.4
	Perempuan	1	12.5
Lemah	Lelaki	2	9.1
	Perempuan	0	0

3.2 Analisis Inferensi

Hasil kajian menggunakan analisis statistik inferensi kaedah Ujian-t Sampel Tidak Bersandar menunjukkan nilai $t(30) = -7.020$, $p = 0.000$ ($p < 0.05$) adalah signifikan. Keputusan analisis ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min tahap penguasaan konten subjek keseluruhan bagi guru pelatih lelaki ($M = 80.75$, $SP = 2.94$) dan guru pelatih perempuan $M = 82.94$, $SP = 2.43$) Elektif Pendidikan Jasmani di IPG. (Jadual 4).

Jadual 4 Ujian – t sampel Tidak Bersandar

Min		Ujian Levene's		Persamaan		
		Persamaan Varian		Varian		
		F	Sig	t	Df	Sig
Penguasaan Konten subjek Keseluruhan	Persamaan varian andaian	3.35	.068	-7.020	30	.000
	Persamaan varian Bukan andaian			-7.029	248.68	.000

Signifikan pada aras 0.05

4.0 KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

Kesimpulannya faktor jantina mempengaruhi dan memberi kesan ke atas skor pencapaian tahap penguasaan konten subjek. Pelbagai faktor perlu diterjemahkan mengapa situasi begini boleh berlaku. Hasil analisis oleh penyelidik, guru pelatih perempuan lebih mendominasi konten subjek daripada guru pelatih lelaki. Ini dibuktikan dengan analisis secara keseluruhan mendapati kesediaan tahap penguasaan konten subjek guru pelatih perempuan lebih baik iaitu 87.5 % pada tahap sangat baik dan baik berbanding guru pelatih lelaki, 50.0 % berdasarkan tahap tertinggi 90.57. Walaupun hanya seorang sahaja guru pelatih perempuan yang mendapat tahap cemerlang namun peratusan yang tinggi itu menunjukkan mereka mempunyai kesediaan yang tinggi dalam penguasaan konten subjek berbanding guru pelatih lelaki. Pihak yang terlibat perlu mencari penyelesaian bagaimana perlu meningkatkan ke tahap cemerlang dan perlu bersedia untuk melangkah ke alam profesion keguruan yang lebih mencabar dengan penuh semangat dan keyakinan.

Faktor yang paling jelas ialah, guru pelatih lelaki kurang bersedia atau tidak membuat persediaan untuk menghadapi ujian bertulis untuk menilai tahap kesediaan pengetahuan isi kandungan subjek Pendidikan Jasmani kerana lebih memberi penumpuan kepada ujian kecergasan fizikal yang juga dijalankan serentak. Faktor persediaan dan perancangan adalah penting dalam situasi sebelum menghadapi atau menjalankan aktiviti yang hendak dijalankan supaya dapat mencapai objektif dan matlamat yang hendak dicapai (Syed Kamaruzaman Syed Ali, Julismah Jani, Shabeshan & Zawawi Ismail 2009.; Mok Soon Sang, 2007). Pelajar lelaki lebih gemar bermain dan bersukan berbanding dengan guru pelatih perempuan yang lebih mementingkan pencapaian akademik (Murukesu Margapandu, 2007).

Dapatan kajian penyelidik ini bertepatan dengan kajian oleh Zalizan Mohd Jelas, Saemah Rahman, Roselan Baki dan Jamil Ahmad (2005), yang mendapati keputusan peperiksaan awam peringkat kebangsaan 1996 hingga 2007 menunjukkan secara keseluruhannya pelajar perempuan mempunyai

pencapaian lebih baik berbanding pelajar lelaki dalam hampir semua mata pelajaran bagi peringkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah dan Penilaian Menengah Rendah. Manakala bagi Sijil Pelajaran Malaysia, pelajar perempuan mengatasi lelaki dalam kebanyakan mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Oleh itu, *trend* perbezaan pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan itu berterusan hingga kini dan menjadi fenomena menyeluruh serta masih relevan untuk dikaji.

Dapatan kajian penyelidik juga membuktikan laporan *Post Secondary Education Opportunity* (2009), bahawa sejak 20 tahun yang lepas, pencapaian akademik kaum wanita adalah lebih baik daripada lelaki dalam konteks pengajian peringkat tinggi. Laporan itu membuktikan bahawa wanita lebih ramai mempunyai kelayakan akademik untuk diterima masuk ke universiti. Laporan tersebut disokong oleh DeBerard, Scott, Glen, Spielmans dan Julka (2012), yang mendapati peperiksaan pada semester pertama di universiti, pelajar wanita lebih ramai mendapat mata gred yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki dalam sesetengah bidang pengajian (Leppel, 2001; Sheram, 1996). Kajian oleh Keller, Crouse dan Trusheim (1993), juga menunjukkan keputusan pencapaian akademik pada semester satu pengajian antara lelaki dan perempuan menunjukkan pelajar perempuan mendapat keputusan yang lebih baik.

Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan pengetahuan isi kandungan subjek guru pelatih perempuan lebih baik daripada guru pelatih lelaki. Ini menunjukkan tahap kecerdasan pelajar perempuan lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Hal ini menunjukkan jantina mempengaruhi tahap kecerdasan minda pelajar. Hasil penyelidikan ini juga telah membuktikan tinjauan oleh Liew, Gan dan Sia (1999), Su Mee Nguk (2000), Teh Fui Kim (2001), Norhayati Ahmad Zakaria (2003), dan Zabedah Ab. Razak (2005) yang mendapati lebih ramai murid perempuan mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi berbanding lelaki tepat dan boleh diterima.

Hasil kajian penyelidik beserta dapatan kajian lepas jelas menunjukkan pelajar perempuan lebih mendominasi tahap penguasaan konten subjek berbanding pelajar lelaki di semua peringkat. Berdasarkan kajian penyelidik ini, guru pelatih yang berada di tahap sederhana dan lemah, mereka haruslah berusaha dan mencari jalan bagi mencapai kesediaan tahap penguasaan konten subjek tertinggi bagi menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran serta akauntabiliti akademik Pendidikan Jasmani dapat di martabatkan dalam profesionalisme keguruan nanti.

Penyelidik mencadangkan guru pelatih perlu membuat persediaan dan perancangan yang rapi untuk menghadapi pelajar-pelajar di sekolah nanti. Bagi pihak yang terlibat secara langsung dengan kurikulum Pendidikan Jasmani di IPG perlu mencari jalan penyelesaian dengan membuat perancangan dan persediaan bagi membantu guru-guru pelatih yang dalam kumpulan sederhana dan lemah ini kerana pengetahuan isi kandungan subjek adalah indikator terpenting dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menghasilkan kualiti yang berkesan.

Hasil kajian penyelidik mendapati faktor persediaan dan perancangan awal sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran adalah faktor utama ke arah menghasilkan pembelajaran yang berkualiti dan berkesan. Kebenarannya, dapat dilihat melalui hasil kajian oleh Schempp (2003) dan Allinder (1999), yang menegaskan perancangan dan persediaan awal adalah kunci kepada pencapaian matlamat dan objektif yang berkesan dan mampu meningkatkan kualiti dan efikasi guru kenyataan ini selari dengan pendapat Syed Kamarulzaman Syed Ali, Julismah Jani, Shabeshan dan Zawawi Ismail (2009), yang menegaskan bahawa perancangan dan persediaan yang rapi merupakan langkah awal, sebelum menjalankan sesuatu aktiviti.

5.0 IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang berkaitan dengan pendidikan di sekolah terutamanya pihak yang terlibat dengan subjek Pendidikan Jasmani. Pihak pentadbir harus mengikis tanggapan yang subjek Pendidikan Jasmani sebagai kelas kedua dengan mengarahkan mana-mana guru sahaja untuk mengajar subjek Pendidikan Jasmani. Tindakan pihak pentadbir mengarahkan guru-guru yang bukan opsyen Pendidikan Jasmani mengajar mesti dielakkan kerana ia akan mewujudkan tekanan kepada guru serta pelajar yang terlibat. Tahap penguasaan konten subjek guru yang rendah akan membantutkan lagi pencapaian matlamat pengajaran Pendidikan Jasmani. Tindakan ini sudah tentu menjadikan mata pelajaran ini satu mata pelajaran yang tidak penting di mata masyarakat umum satu hari nanti.

6.0 RUJUKAN

- Ahmad Hashim (2004). Pengukuran Kecergasan Motor. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Ainon Mohd. (2011). Kemahiran Interpersonal Untuk Guru. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Allinder, R.M. (1999). An examination of the relationship between teacher efficacy and curriculum-based measurement. *Remedial & Special Education*, 16, 247-255
- Armstrong, N. (1990). (Ed). *New Directions in Physical Education: Volume 1*, Champaign. IL: Human Kinetics
- Atan Long. (1984a). Peranan dan Tugas Guru Dalam Negara Membangun Pendidik dan Pendidikan, Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Bloom, B.S. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives Handbook, in Cognitive Domain*. New York: Harper and Row.
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah Penyelidikan Buku 1. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Cicciarella, C. F. (1997). *Research in physical education, exercise science, and sport: An introduction*. Scottsdale, AZ: Gorsuch Scarisbrick.
- DeBerard, M. Scott, Glen I. Spielmans, & Deana C. Julka. (2012). Predictors of academic achievement and retention among college freshmen: A Longitudinal Study. *College Student Journal*, 38.1 (2004): 66-80.
- Isaac, S., Michael, W.B. (1982). *Handbook in research and evaluation*. Edisi ke-2. California: EDITS. Edisi ke-4. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Julismah Jani. (2006). Peranan guru dalam memacukan pembangunan sukan di Malaysia. Kertas kerja ini telah dibentangkan di Konvensyen Sukan Antarabangsa Telok Danga, Johor Bahru, Johor
- Julismah Jani. (2007). Pengenalan ilmu konten pedagogi dalam Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Junaidy bin Mohamad Hashim. (2014). Kesediaan bakal guru Pendidikan Jasmani Terhadap Pengetahuan dan Kefahaman Berdasarkan Model Standard Guru Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Junaidy bin Mohamad Hashim. (2017). Paradigma Baharu Guru Pendidikan Jasmani & Sains Sukan. Edisi 1. Sri Damansara, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Kraska, M.F. (1991). Work values of high school vocational education studies. ERIC Document Reproduction Service No: ED 336532.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30 (3) : 608.
- Larry, D.H. (1990). *Current Measurement and Evaluation Practices in Professional Physical Education*. Journal of Physical Education, Recreation & Dance. Mac 1990. Academic Research Library.
- Liew, P.G.S., Gan T.H. & Sia, P.W. (1999). Tahap kecerdasan emosi murid-murid Tahun 5 di kawasan Miri. (atas talian). <http://www2.moe.gov.my/~mpsmiri/leqnew.html>. [10 Disember 2013]
- Mohd. Aziz Mohd. Din. (2010). Nilai kerja: guru permulaan dan guru lama. Prosiding Seminar Serantau Guru Permulaan: Bahagian Pendidikan Guru
- Montague, A.(1986). *The Human Significance of the Skin*, Edisi ke-3. New York, Harper & Row Publishers.
- Norhayati Ahmad Zakaria. (2003). Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan pencapaian akademik. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Patton, M. (1990). *Qualitative evaluation and research methods* (pp. 169-186). Beverly Hills, CA: Sage. <http://postsecondaryopportunity.blogspot.com/2009/02/>
- Powell, J.C., and Anderson. R. (2002). Changing teachers' practice: curriculum material and science education reform in the USA. *Studies in science education*, 37, 107-136.
- Schempp, P. G. (2003). *Teaching sport and physical activity*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Shulman, L. S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations for a new reform. *Harvard Educational Review*, 39 (5): 346-352.
- Shulman, L.S. (2004). *The Wisdom of Practice: Essays on Teaching, Learning and Learning to Teach*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Su Mee Nguk. (2000). Hubungan antara emotional intelligence/quotient (eq) dengan pencapaian akademik, jantina dan aliran pengajian murid Tingkatan 4. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

- Syed Kamaruzaman Syed Ali, Julismah Jani, Shabeshan & Zawawi Ismail. (2009). Perancangan dan Persediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. *Jurnal Masalah Pendidikan Universiti Malaya*, 31(1).
- Teh Fui Kim. (2001). Pengaruh kecerdasan emosi dan amalan keibubapaan terhadap EQ remaja. Tesis Sarjana Sains. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang (UPM).
- Uma, Sekaran, 2000. *Research Methods for Business: A Skill-building Approach*. Third Ed. New York: John Wiley & Sons, Inc., p. 288.
- Veenman, S. (1984). Perceived problem of beginning teachers. *Review of education research*, 54 (2): 143-178.
- Wan Mohd Zahid Noordin. (1993). Pengisian wawasan pendidikan. Kertas kerja dibentangkan pada Persidangan Pendidikan Nasional. Institut Aminuddi Baki, Genting Highland, Pahang. 8-11 April.
- Wee Eng Hoe. (1994). *Organisasi Dan Pentadbiran Sukan Dan Pendidikan Jasmani*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Wee Eng Hoe. (2007). *Sains Kejurulatihan. Siri Sains Sukan*. Shah Alam: Oxford Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wee Eng Hoe. (2009). *Pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan (Edisi kedua)*. Shah Alam: Karisma Publication Bakti Sdn. Bhd.
- Wheeler, D. (1967). *Curriculum Process*. University of London. Press: Lomdon.
- Zabedah Ab. Razak. (2005). Hubungan gaya pembelajaran dengan kecerdasan emosi dan pencapaian akademik. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Zalizan Mohd Jelas, Saemah Rahman, Roselan Baki & Jamil Ahmad. (2005). Prestasi akademik mengikut gender. *Jurnal Pendidikan*, 30(05): 9 -11.
- Zamri Mahamod. (2010). Perkembangan profesionalisme berterusan guru permulaan: Cadangan model latihan guru permulaan daripada perspektif universiti. *Prosiding Seminar serantau guru permulaan: Bahagian Pendidikan Guru*
- Zuber Hj. Hassan (2000). Strategi pengajaran dan pembelajaran PJK: Isu dan pelaksanaan. *Jurnal Pendidikan Guru*, 13, 19 – 28.